From: Jabatan Komunikasi Korporat
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: PUSAT PENGURUSAN TVET UUM-KDEBWM BENTANG PROJEK KERJASAMA KEPADA KETUA PENGARAH ICU BAGI PROGRAM PEMERKASAAN MODAL INSAN PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA TVET MADANI RAKYAT MALAYSIA
Date: Wednesday, 9 September, 2026 2:56:56 PM
Attachments: image002.png
image003.png

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

UUM TODAY

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY

9 SEPTEMBER 2026 / 27 RABIULAWAL 1448H
==========

Berita oleh: Hana Fatimah Binti Kamarul Bahrin
Gambar oleh: Prof. Madya Ts Dr. Hj. Shanusi Bin Hj. Ahmad

PUSAT PENGURUSAN TVET UUM-KDEBWM BENTANG PROJEK KERJASAMA KEPADA KETUA PENGARAH ICU BAGI PROGRAM PEMERKASAAN MODAL INSAN PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA TVET MADANI RAKYAT MALAYSIA



UUM ONLINE: Putrajaya, 26 Ogos 2026 – Pusat Pengurusan TVET UUM-KDEBWM telah membentangkan cadangan Program Pemerkasaan Modal Insan Persijilan Kemahiran Malaysia TVET MADANI Rakyat Malaysia kepada Ketua Pengarah Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM), YBhg. Datuk Seri Sollehuddin Alyubi bin Zakaria, di Pejabat Ketua Pengarah ICU JPM, Bangunan Perdana Putra, Putrajaya.

Pembentangan diketuai oleh Prof. Madya Ts. Dr. Hj. Shanusi bin Hj. Ahmad, Pengarah Pusat Pengurusan TVET UUM-KDEBWM, bersama Kamal Khalid, Timbalan Pengarah, serta Dato' Mazlan Mohamad, Pengerusi Kanan Bukan Eksekutif Bebas Feytech Holdings Berhad.



Program ini memberi tumpuan kepada usaha memperkasa modal insan TVET dalam kalangan rakyat Malaysia melalui peluasan akses kepada Persijilan Kemahiran Malaysia (SKM), khususnya menerusi kaedah Sijil Kemahiran Malaysia – Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (SKM-PPT) yang mengiktiraf pengalaman dan kompetensi sedia ada individu berdasarkan standard kemahiran yang ditetapkan.

Pertemuan ini turut menjadi platform strategik bagi meneroka kerjasama antara Pusat Pengurusan TVET UUM-KDEBWM dan ICU JPM dalam memperluas peluang persijilan kemahiran, meningkatkan kompetensi tenaga kerja serta menyokong pembangunan modal insan berkemahiran selaras dengan agenda pemerkasaan TVET negara.

ZMS/JKK/2026

UUM OFFICIAL
uumtoday.com Universiti Utara Malaysia uumofficial uumnews uumtube uuminfo uumofficial
ukkuum@uum.edu.my 04-928 3039 | 3040 | 3043 | 3097 | 3056

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.